

28 APR 1998
China-Perdagangan
DELEGASI PERDAGANGAN DARI CHINA TIBA/I

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Delegasi perdagangan dari China tiba di sini malam ini untuk lawatan empat hari bertujuan meninjau peluang-peluang pelaburan dan memperkukuhkan kerjasama dua hala.

Delegasi 29 anggota yang terdiri daripada pengusaha bank, usahawan dan ahli perniagaan itu diketuai oleh Pengerusi Majlis bagi Penggalakkan Perdagangan Antarabangsa China (CCPIT), Yu Xiaosong.

Ketika ditemui pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, dekat sini, Yu berkata delegasi itu akan meneroka peluang pelaburan di negara ini.

"Kami percaya inilah masa paling baik untuk meningkatkan pelaburan di negara ini," kata beliau yang bercakap melalui jurubahasa.

Delegasi berkenaan juga akan meninjau cara-cara untuk membantu merangsangkan ekonomi Malaysia, kata Yu yang juga Pengerusi Dewan Perdagangan Antarabangsa China.

Beliau dijadual mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Beliau berkata delegasi itu akan mengadakan perbincangan dengan Dewan-dewan perniagaan tempatan.

"Kami mahu menjalin hubungan dengan ahli perniagaan Malaysia supaya perdagangan antara China dan Malaysia dapat dipertingkatkan lagi," kata beliau.

Perdagangan antara Malaysia dan China meningkat kepada RM9.45 bilion pada 1996 berbanding RM9.21 bilion pada tahun sebelumnya.

-- BERNAMA
NHD FAZ